

Cagamas menjadi pilihan pasaran

KUALA LUMPUR: Perbadanan Gadaai Janji Nasional Malaysia, Cagamas Bhd (Cagamas) telah mengumumkan terbitan berjumlah RM350 juta yang terdiri daripada Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) selama setahun sebanyak RM45 juta, CMTN dua tahun bernilai RM55 juta dan Kertas Komersil Konvensional (CCP) tiga bulan berjumlah RM250 juta.

Cagamas dalam satu kenyataan hari ini berkata hasil dari terbitan tersebut akan digunakan bagi membiayai pembelian pinjaman gadaai janji daripada sistem kewangan.

CMTN satu dan dua tahun telah dimuktamadkan, masing-masing pada 3.25 peratus dan 3.45 peratus, 28 serta 29 mata asas (bps) di atas Sekuriti Kerajaan Malaysia, manakala CCP berharga 20 bps di atas tiga bulan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur atau bersamaan dengan 3.0 peratus pada tarikh harga.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Chung Chee Leong berkata, sentimen risiko dalam pasaran bon tempatan masih sensitif selepas mengalami kemelut pasaran utama baru-baru ini, manakala aktiviti pasaran tertumpu ke arah usaha kecairan yang telah dicetuskan oleh Covid-19, selain, wujud kebimbangan mengenai kemelesetan ekonomi global.



PRESIDEN dan Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Chung Chee Leong

“Cagamas akan terus menjalankan peranannya sebagai perantara kewangan dengan menyediakan kecairan kepada sistem perbankan, seiring dengan usaha Bank Negara Malaysia bagi memastikan kecairan yang mencukupi dalam sistem seperti yang diumumkan baru-baru ini,” katanya.

Kertas-kertas itu, yang akan ditebus dengan nilai nominal penuh mereka pada masa matang, adalah obligasi tanpa jaminan syarikat, mempunyai kedudukan yang setara antara mereka dan dengan semua obligasi tidak ber-cagar sedia ada syarikat, katanya.

— Bernama